# Mangsa dera sedar

Sinar 30/4/12 MS12.

**KUALA TERENGGANU** - Kanak-kanak mangsa dera, Mohd Danish Aiman Abdullah sedar dari koma empat hari lalu, kata pegawai perubatan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

Pegawai perubatan yang enggan dikenali berkata, bagaimanapun kanak-kanak malang itu masih gagal beri tindak balas.

"Kecederaan di kepala yang dialami Mohd Danish agak teruk dan ketika ini kami mendapati kanak-kanak terbabit tidak mampu bergerak seperti biasa dan kemungkinan dia boleh diserang sawan," katanya ketika ditemui di HSNZ, di sini semalam.

Beliau berkata, kanak-kanak itu kini diberi makan dan minum melalui tiub dan dia diberi rawatan fisioterapi agar saraf-sarafnya tidak keras dan sentiasa bergerak.

Keadaan Mohd Danish dilihat semakin stabil setelah kanak-kanak berusia dua tahun setengah itu



JAMSHAH

menjalani pembedahan di bahagian kepala, 21 April lalu.

Mohd Danish koma dipercayai akibat didera oleh teman lelaki ibunya berikutan perselisihan faham antara ibu kanak-kanak itu dengan lelaki terbabit.

Akibat penderaan itu, Mohd Danish mengalami pendarahan pada otak sebelah kiri dan dia dijangka akan menjalani pembedahan buat kali kedua.

Sementara itu, Ketua Polis



## Budak 2 tahun didera

*Cedera di kepala dipercayai dipukul teman lelaki ibu*

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU - Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun cedera di kepala, selepas dipercayai dipukul teman lelaki ibunya dalam satu kejadian di sebuah kampung di Manir, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu, suspek yang berusia 26 tahun dipercayai memukul kanak-kanak itu hingga menyebabkannya cedera.

Mangsa kini dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan difahamkan, mangsa bersama ibunya berusia 22 tahun ketika kejadian berlaku di kediaman lelaki terbabit.

Difahamkan, suspek tidak tahan dengan kelakuan aktif kanak-kanak terbabit, menyebabkan dia hilang sabar dan dipercayai memukul kanak-kanak malang itu hingga menyebabkannya cedera.

Mangsa kemudiannya dikejarkan ke hospital untuk rawatan lanjut dan laporan mengenai kejadian itu telah dibuat di pondok polis di HSNZ.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Asisten Komisioner K Manoharan ketika dihubungi semalam, mengesahkan kejadian terbabit dan berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001.

Katanya, pihak polis telah mengenalpasti identiti suspek dan kini sedang berusaha untuk memburu suspek.

**Laporan Sinar Harian 22 April lalu.**

Terengganu Datuk Jamshah Mustapa berkata, gerakan memburu suspek masih giat dijalankan oleh polis dan lelaki itu dipercayai masih berada di sekitar Kuala Terengganu.

Menurutnya, polis telah menemui beberapa petunjuk namun masih gagal mengesan suspek.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai lelaki dikenali Azhar Jusoh, 31, berasal dari Kampung Tualang, Manir, di sini supaya menghubungi balai polis berhampiran bagi membantu siasatan. -Bernama